



**MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**  
**(Human Resources Development Council)**  
**WISMA PSMB, JALAN BERINGIN**  
**DAMANSARA HEIGHTS**  
**50490, KUALA LUMPUR.**

Tel : 03- 2096 4800

Fax : 03- 2096 4999

---

**PEKELILING MAJIKAN BIL. 2/95**

**i) TUNTUTAN BAYARAN BALIK GERAN LATIHAN BAGI PROGRAM LATIHAN YANG SELESAI DIJALANKAN DALAM TAHUN 1994**

**ii) PERATURAN BARU MENEGNAI PEGAWAI YANG DIBENARKAN MENANDATANGANI BORANG PERMOHONAN GERAN LATIHAN DAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian tuan kepada perkara di atas.

2. Suka saya memaklumkan bahawa Majlis telah membuat keputusan apa-apa baki Levi Pembangunan Sumber Manusia yang tidak digunakan dalam tahun 1994 dibenarkan dibawa ke tahun 1995. Walaupun begitu bagi program-program latihan yang telah diluluskan dan selesai dijalankan dalam tahun 1994, borang-borang tuntutan pembayaran balik geran latihan hendaklah dihantar dan diterima oleh Urusetia Majlis ini **selewat-lewatnya pada 30.06.1995**.

3. Oleh kerana pelbagai sebab, masih terdapat sebahagian kecil permohonan bantuan latihan bagi tahun 1994 masih belum lagi diluluskan. Memandangkan tuntutan bayaran balik tahun 1994 perlu sampai ke Majlis selewat-lewatnya pada 30.06.1995, tindakan segera perlu diambil dan pihak tuan hendaklah mengemukakan maklumat-maklumat atau dokumen yang diminta untuk menyelesaikan masalah tersebut. Bagi maksud ini, tuan hendaklah menghubungi Bahagian Bantuan Latihan, Urusetia Majlis ini dengan seberapa segera.

**4. Sehubungan dengan perkara yang dibangkitkan di atas, saya juga ingin menegaskan bahawa apa-apa tuntutan bayaran balik yang diterima selepas 30.06.1995 tidak akan dipertimbangkan.** Dengan yang demikian, saya berharap tuan dapat memberi perhatian berat atas perkara ini.

**5. Majlis juga telah membuat keputusan, mulai sekarang semua borang permohonan geran latihan dan tuntutan bayaran balik memadai ditandatangani oleh seorang pegawai syarikat sahaja.** Bagi permohonan geran latihan di bawah Skim Bantuan Latihan (SBL), Pelan Latihan Tahunan (PLT), Program Yang Diluluskan (PROLUS) dan PERLA, salah seorang pegawai berikut dibenarkan menandatangani borang permohonan;

Pengerusi, Pengarah Urusan, Pengurus Besar, Pengarah, Timbalan Pengarah, Pengurus Sumber Manusia, Penolong Pengurus, Pegawai Latihan atau mana-mana Eksekutif Syarikat.  
**Gelaran jawatan pegawai yang menandatangani hendaklah dicop pada ruangan yang disediakan.**

6. Manakala bagi tuntutan bayaran balik geran latihan di bawah skim-skim latihan yang sama, salah seorang pegawai berikut dibenarkan menandatangani borang tuntutan; Pengerusi, Pengarah Urusan, Pengurus Besar, Setiausaha Syarikat, Pemilik Tunggal, Rakan Kongsi, Akauntan, Juruaudit Dalam atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dan diluluskan oleh Majlis. **Gelaran jawatan hendaklah ddicop pada ruangan yang disediakan. Peraturan yang sama terpakai bagi pegawai yang mengesahkan salinan dokumen atau pengakuan sesuatu perbelanjaan.**

7. Dengan peraturan baru ini yang dapat memudahkan lagi pelaksanaan skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia, adalah diharapkan majikan dapat mengemukakan permohonan dengan lebih awal, segera dan kelewatan yang sering berlaku di masa lalu dapat di atasi.

8. Terima kasih atas segala kerjasama dan perhatian tuan.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(YAU DE PIYAU)**

Ketua Pengarah

Majlis Pembangunan sumber Manusia